

Sebab-sebab Budaya Membaca Rakyat Malaysia Masih Rendah

Isu budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia kerap menjadi topik (1) _____ pada peringkat nasional. Sebagai sebuah negara yang ingin mencapai taraf negara maju, budaya membaca mestilah menjadi (2) _____ hidup masyarakat. Pada pendapat saya tahap budaya membaca rakyat Malaysia masih rendah dan masalah ini perlu segera diatasi. Jika isu ini tidak diatasi, hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 pasti terjejas.

Sikap masyarakat Malaysia yang masih tidak (3) _____ membaca menjadi salah satu faktor penyumbang budaya kurang membaca yang masih rendah di negara kita. Bagi generasi muda, mereka amat memerlukan (4) _____ untuk memupuk minat membaca. Jika golongan dewasa kurang minat membaca, pasti generasi muda tidak terdorong untuk menanam sikap suka membaca dan tidak mendapat (5) _____ yang baik untuk diteladani. Oleh itu, ibu bapa perlu memupuk budaya membaca di dalam rumah agar anak-anak terdorong untuk membaca.

Bahan bacaan yang berbentuk (6) _____ agak mahal harganya dan hal ini menjadi penyumbang kepada rendahnya budaya membaca di kalangan masyarakat. Oleh itu, kebanyakan masyarakat lebih cenderung membaca akhbar harian yang harganya lebih murah. Selain itu, (7) _____ buku yang rendah juga turut mempengaruhi minat membaca di kalangan masyarakat. Satu lagi faktor penyebab minat membaca yang rendah ialah sikap masyarakat yang tidak

mengadakan program yang lebih bermanfaat untuk mendorong minat membaca.

Program (13) _____ memang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui agensinya seperti Perpustakaan Negara. Namun demikian, kempen ini didapati kurang berkesan kerana programnya yang kurang menarik. Program kempen membaca di televisyen pula perlu menggunakan visual yang lebih menarik dan terkini. Kempen budaya membaca ini perlu dibuat secara (14) _____, berterusan dan semua pihak mesti mengambil bahagian. Pihak kementerian juga perlu bersama-sama menjayakan kempen ini agar golongan belia sedar tentang kebaikan membaca.

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa budaya membaca perlu dijadikan budaya masyarakat Malaysia. Hal ini kerana, budaya membaca banyak faedahnya kepada masyarakat dan negara. Pada pendapat saya, ibu bapa perlu membentuk budaya membaca dalam keluarga sejak anak masih kecil lagi. Masyarakat juga perlu menunjukkan contoh yang baik. Oleh itu, marilah kita bersama-sama (15) _____ untuk menjadikan aktiviti membaca sebagai budaya rakyat Malaysia.

mahu membaca bahan-bahan yang berat. Justeru, tidak hairanlah terdapat beberapa syarikat penerbitan buku terpaksa ditutup kerana menanggung kerugian yang besar.

Satu lagi sebab mengapa budaya membaca masih rendah di kalangan rakyat Malaysia ialah pihak sekolah gagal membentuk budaya membaca sepanjang di kalangan pelajar sekolah.

Kebanyakan pelajar membaca buku di sekolah hanya untuk (8) _____ dalam peperiksaan sahaja. Justeru, budaya membaca di sekolah tidak dapat dipupuk dengan baik kerana kurangnya (9) _____ tentang kebaikan membaca di kalangan pelajar. Terdapat juga pelajar yang menganggap aktiviti membaca tidak menyeronokkan dan menjadi (10) _____ kepada mereka. Sewajarnya Kementerian Pelajaran dapat menggunakan pendekatan yang baru dalam memupuk budaya membaca di sekolah.

Gangguan daripada media elektronik juga merupakan penyebab budaya membaca masih rendah di kalangan masyarakat. Golongan muda khususnya lebih (11) _____ menonton televisyen dan melayari Internet berbanding membaca buku. Oleh itu, tidak hairanlah kebanyakan remaja beranggapan aktiviti membaca amat membosankan berbanding aktiviti lain yang lebih menyeronokkan. Selain itu, siaran televisyen yang pelbagai telah mengurangkan (12) _____ untuk aktiviti membaca. Saya berpendapat bahawa pihak media perlu

kempen	efektif	dorongan	lulus	contoh
perbincangan	minat	ilmiah	cenderung	kualiti
berganding bahu	kedaran	masa lapang	budaya	beban